

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]
TARIKH : 16.06.2014 (ISNIN)

DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan:-

- (a) Apakah benar dakwaan menyatakan Malaysia adalah pusat pengeluaran dan penyebaran filem cetak rompak terbesar di dunia; dan
- (b) Berapakah jumlah tangkapan untuk tahun 2013 dan terkini untuk kesalahan ini dan usaha-usaha kerajaan membanteras kegiatan cetak rompak

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Adalah tidak benar sama sekali dakwaan menyatakan Malaysia sebagai pusat pengeluaran dan penyebaran filem cetak rompak terbesar di dunia. Buktinya melalui laporan terbaharu yang dikeluarkan oleh *United States Trades Representative (USTR)*

"2014 Special 301 Report" bertarikh 01 Mei 2014 telah mengesahkan bahawa Malaysia tidak tersenarai dalam *Watch List* buat tahun ketiga berturut-turut sejak 2012 lagi. Pengistiharan tersebut juga menunjukkan bahawa *Amerika Syarikat* telah memperaku dan menghargai usaha-usaha Kerajaan Malaysia khususnya usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam usaha menangani masalah cetak rompak di negara ini. Selaras dengan itu, Kementerian akan terus mempertingkatkan usaha memerangi cetak rompak di negara ini.

Tuan Yang Dipertua,

- (b) Dari tahun 2013 hingga 30 April 2014 sebanyak 212 orang telah ditangkap kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Hak Cipta 1987 dan Label Cakera Optik 2010.

Usaha-usaha Kerajaan yang sedang dan akan dilakukan bagi membendung gejala cetak rompak antaranya adalah seperti berikut:-

- i) Menjadikan 363 kawasan dan premis perniagaan yang menjadi tumpuan aktiviti penjualan barang cetak rompak di seluruh Negara sebagai kawasan Hotspot Nasional dan Hotspot Negeri. Kawasan-kawasan ini akan di pantau sepanjang masa oleh anggota penguatkuasa KPDNKK.

- ii) Menjadikan kawasan Hotspot sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) bagi mengukur keberkesanan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan.
- iii) Bekerjasama dengan pemilik jenama barangan yang tersenarai di dalam *Basket of Brand* (BOB) bagi memudahkan tugas penguatkuasaan.
- iv) Mengerak dan mempergiatkan aktiviti Pasukan Petugas Khas Membanteras Cetak Rompak (PPKMCR) dengan menubuhkan tiga (3) Jawatankuasa Kecil iaitu Jawatankuasa Penguatkuasaan Fizikal, Jawatankuasa Penguatkuasaan Digital dan Jawatankuasa Kempen Kesedaran.
- v) Mempergiatkan operasi membanteras cetak rompak (OCR) secara berterusan meliputi penerbitan buku, perisian komputer, filem dan laman sesawang yang menyediakan salinan langgaran atau cetak rompak.
- vi) Inisiatif dan tindakan secara proaktif, reaktif dan preventif ini bagi memastikan Industri terus keratif dan berkembang.